

**NO. SOALAN: 434**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN**  
**[ BAYAN BARU ]**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara purata, berapakah penumpang yang menggunakan Komuter KTM setiap hari dari 2011 hingga 2016. Secara purata berapakah jumlah tambang yang dikutip setiap hari dari 2011 hingga 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, perkhidmatan KTM Komuter beroperasi bagi laluan:

i. Sektor Tengah dan Selatan:

- Tanjung Malim – Pelabuhan Klang dan Batu Caves – Pulau Sebang/Tampin

ii. Sektor Utara:

- Padang Rengas – Bukit Mertajam – Butterworth – Padang Besar.

2. Purata penumpang harian perkhidmatan KTM Komuter dari tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b>     | <b>Purata Penumpang Harian</b> |
|------------------|--------------------------------|
| 2011             | 97,531                         |
| 2012             | 95,211                         |
| 2013             | 120,388                        |
| 2014             | 128,649                        |
| 2015             | 136,137                        |
| 2016 (Jan – Sep) | 115,643                        |

Sekian, terima kasih.